UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT EDAR 600 BUBUR LAMBUK SEMPENA RAMADAN, PERKUKUH KESEDARAN KITAR SEMULA DI AEON MELAKA AYER KEROH

MELAKA, 7 MAC 2026 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) terus menyemarakkan semangat Ramadan dengan mengedarkan sebanyak 600 bekas bubur lambuk secara percuma kepada pengunjung AEON Melaka, Ayer Keroh menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR), SWM Kasih Bubur Lambuk, dengan kerjasama AEON Melaka Ayer Keroh.

Program yang diadakan di pusat membeli-belah tersebut bukan sahaja bertujuan meraikan bulan ~~mulia~~ Ramadan Al-Mubarak bersama masyarakat setempat, malah menjadi platform strategik untuk memperkukuh kesedaran awam terhadap amalan pengasingan sisa dan penyertaan dalam program kitar semula berganjaran KITARecycle.Menurut Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, inisiatif ini merupakan program tahunan syarikat yang mencerminkan komitmen berterusan SWM Environment dalam memperkasa dan menyantuni masyarakat melalui pendekatan yang inklusif dan bermakna.

“Ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan dan kebersamaan. Melalui program SWM Kasih Bubur Lambuk, kami bukan sahaja berkongsi juadah tradisi, malah mengambil peluang untuk mendekati masyarakat serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan sisa pepejal secara mampan.” katanya

Menurut beliau, “Program KITARecycle memberi peluang kepada orang ramai untuk mengasingkan bahan kitar semula, mengumpul mata ganjaran dan menebusnya kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Ini adalah usaha berterusan kami untuk menggalakkan perubahan tingkah laku ke arah amalan kelestarian yang lebih konsisten.”

Beliau turut menegaskan bahawa peningkatan aktiviti sepanjang Ramadan dan musim perayaan lazimnya menyumbang kepada pertambahan jumlah sisa pepejal. Sehubungan itu, masyarakat diseru untuk menguruskan sisa secara bertanggungjawab, mengamalkan pengasingan sisa di punca serta mengelakkan pembuangan sampah secara tidak terkawal yang boleh menjejaskan kebersihan awam dan dikenakan tindakan undang-undang.

“Program SWM Kasih Bubur Lambuk juga menjadi platform strategik bagi SWM Environment, selaku syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Melaka, untuk memperkukuh kerjasama dengan rakan strategik seperti AEON Melaka Ayer Keroh serta mendekatkan perkhidmatan syarikat kepada masyarakat.

katanya”Melalui pendekatan ini, SWM Environment komited untuk terus memainkan peranan aktif dalam memupuk budaya kebersihan, kelestarian alam sekitar dan tanggungjawab bersama demi kesejahteraan komuniti.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat konsesi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). SWM Environment mempunyai seramai 12,000 orang pekerja dan memberi perkhidmatan kepada 26 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lebih 5.1 juta penduduk merangkumi 1.5 juta premis kediaman dan komersial.

SWM Environment turut memainkan peranan penting dalam aspek pendidikan masyarakat melalui inisiatif Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) berkaitan pengurusan sisa pepejal secara mampan dengan kaedah pengasingan sisa di punca (SAS) dan pendigitalan program kitar semula berganjaran (KITARecycle) sejajar dengan aspirasi negara ke arah Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*). Program KITARecycle merupakan satu ekosistem kitar semula yang inovatif, telus dan inklusif bagi menggalakkan komuniti melaksanakan aktiviti kitar semula dan mengumpul mata ganjaran KITARecycle (*Recycle Points* - RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian. Muat turun aplikasi KITARecycle melalui Apple App Store dan Google Play Store, atau melayari laman web rasmi www.kitarecycle.com.

Dengan pendekatan holistik berteraskan inovasi, teknologi, kelestarian, dan penglibatan komuniti, SWM Environment kekal komited untuk memacu reformasi pembersihan awam bagi mewujudkan persekitaran yang lebih lebih bersih, hijau, dan mampan untuk generasi kini dan masa hadapan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli
Eksekutif Kanan
Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan
SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)
Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com